



KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN DISEMBER 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	07.12.2022	Dua Bekas Pegawai Kanan Pos Malaysia Hadapi 5 Tuduhan	2
2.	09.12.2022	SPRM Minta Pihak Ada Bukti Beri Maklumat	3
3.	14.12.2022	522 Projek Mitigasi Banjir RM69.77J Di Tiga Daerah	4
4.	27.12.2022	Kos Penjawat Awam Ke Luar Negara Tak Lagi Dibiayai Swasta	5
5.	30.12.2022	SPRM Siasat Isu Ambil Alih Pengurusan Menara KL	6
6.	31.12.2022	Pasukan Khas Cari Jalan Atasi 381 Projek Rumah Swasta 'Sakit'	7

7 DISEMBER 2022 | RABU | MUKA SURAT : 18



Dua bekas pegawai kanan Pos Malaysia hadapi 5 tuduhan

Shah Alam: Dua bekas pegawai kanan Pos Malaysia Bhd masing-masing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas lima pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM26,000 bagi membantu mempercepatkan bayaran kepada sebuah syarikat, dua tahun lalu.

Bekas Ketua Pengurusan Kontrak dan Armada, Abdul Hadi Aziz Wong dan bekas Penolong Pengurus Operasi, Ruslin Sapari, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Abdul Hadi, 48, dan Ruslin, 54, yang bertugas di Bahagian Pengurusan Kenderaan Pos Malaysia, masing-masing didakwa dengan tiga dan dua pertuduhan secara rasuah menerima suapan untuk diri mereka, iaitu wang berjumlah RM16,000 serta RM10,000 melalui pindahan secara dalam talian ke akaun bank milik kedua-dua lelaki itu daripada syarikat OnxOn Logistik Sdn Bhd sebagai upah melakukan perbuatan berkena-

an. Suapan itu bagi membantu mempercepatkan bayaran Pos Malaysia kepada syarikat OnxOn Logistik bagi kerja 'Outsourcing Linehaul' dan 'Shuttle Services' di Sabah dan Sarawak.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di dua cawangan bank, iaitu di USJ Subang Jaya dan Ara Damansara dekat sini antara 11 Jun hingga 23 Julai 2020.

Pertuduhan mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal kesalahan itu jika suapan dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Mohon jaminan

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Irwan Shah Abdul Samat mencadangkan jaminan RM8,000 kepada Abdul Hadi dan RM5,000 bagi Ruslin bersama seorang penjamin, selain syarat tambahan kedua-dua tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat sebulan sekali.

Bagaimanapun, peguam Irzan Iswatt Mohd Noor yang mewakili Abdul Hadi dan peguam Najiah Zaimah Aris mewakili Ruslin masing-masing memohon jaminan RM5,000 dengan alasan anak guam mereka adalah penanggung utama keluarga, selain memberi kerjasama baik dengan pihak SPRM sepanjang siasatan kes berkena-

an. Rozilah kemudian menetapkan jaminan RM7,000 kepada Abdul Hadi dan RM5,000 kepada Ruslin serta seorang penjamin, selain membenarkan syarat tambahan diminta pihak pendakwa.

Mahkamah menetapkan 13 Januari tahun depan untuk sebutan semula kes. BERNAMA

9 DISEMBER 2022 | JUMAAT | MUKA SURAT : 2



SPRM minta pihak ada bukti beri maklumat

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meminta pihak yang ada bukti berhubung dakwaan penyelewengan dana RM600 bilion ketika pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional (PN), tampil menyerahkan maklumat.

“Mereka diminta hadir ke pejabat SPRM terdekat dan sekiranya perlu, SPRM juga boleh

menghantar pegawai untuk mengambil maklumat atau dokumen berkenaan,” kata suruhanjaya itu dalam satu kenyataan, semalam.

SPRM turut mengesahkan sudah membuka satu kertas siasatan berhubung dakwaan beberapa pihak berkaitan penyelewengan dana itu dan beri jaminan jalankan siasatan secara terperinci, telus dan profesional dari semua sudut.

14 DISEMBER 2022 | RABU | MUKA SURAT : 8

Nasional

• Rabu, 14 Disember 2022 BH

Sidang DUN Melaka

522 projek mitigasi banjir RM69.77j di tiga daerah

**Usaha selesai
isu bah dalam
tempoh jangka
masa pendek**

Melaka: Sebanyak 522 projek mitigasi banjir membabitkan peruntukan berjumlah RM69.77 juta sudah dilaksanakan di Melaka, bagi menyelesaikan isu berkenaan dalam jangka pendek, khususnya di 124 kawasan mudah banjir di negeri itu.

EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam, Infrastruktur dan Pengurusan Banjir negeri, Datuk Rahmad Mariman, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 190 projek mitigasi banjir dilaksanakan di daerah Melaka Tengah membabitkan peruntukan berjumlah RM38.15 juta, manaka-

la di Jasin, 157 projek membabitkan peruntukan RM15.54 juta, sementara 175 projek di Alor Gajah dilaksanakan bernilai RM16.08 juta.

"Peruntukan bagi melaksanakan kesemua projek mitigasi banjir di ketiga-tiga daerah ini disalurkan pelbagai pejabat daerah dan tanah di daerah terbabit, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Kesemua projek mitigasi berkenaan membabitkan projek kecil yang dilaksanakan dalam usaha menyelesaikan isu banjir dalam tempoh jangka masa pendek," katanya pada persidangan Dewan



Rahmad Mariman

Undangan Negeri (DUN) Melaka, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan dikemukakan Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer (BN-Ayer Limau) yang ingin tahu jumlah projek dan peruntukan yang sudah disalurkan bagi mengatasi banjir di negeri itu.

Rahmad berkata, sebanyak 45 lokasi 'hotspot' baharu sudah dikenal pasti di ketiga-tiga daerah di negeri itu dan usaha mengatasi banjir di kawasan berkenaan akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Sementara itu, beliau berkata, sebagai langkah jangka panjang mengatasi banjir, satu projek yang akan dilaksanakan ialah Rancangan Tebatan Banjir Sungai Melaka Fasa Satu bernilai RM40 juta dan projek berkenaan kini di

peringkat reka bentuk, sebelum pembinaannya ditender Mei tahun hadapan.

Tambah bantuan bencana

Dalam perkembangan lain, Rahmad berkata, kerajaan Melaka menyalurkan peruntukan berjumlah RM1.4 juta membabitkan 5,769 mangsa bencana termasuk banjir dalam tempoh 1 Januari hingga kelmarin.

"Bagi bencana banjir, kadar sedia ada antara RM200 hingga RM500 telah dinaikkan kepada RM300 hingga RM700, manakala kadar bagi bencana ribut dinaikkan kepada RM2,000 hingga RM4,000 berbanding RM1,000 hingga RM3,000.

"Bagi bencana kebakaran pula, kadar sedia ada iaitu RM1,000 hingga RM3,000 dinaikkan kepada RM2,000 hingga ke RM5,000 dan lain-lain bencana dinaikkan daripada RM200 hingga RM500 kepada RM300 hingga RM500," katanya. BERNAMA

27 DISEMBER 2022 | SELASA | MUKA SURAT : 15



Kos penjawat awam ke luar negara tak lagi dibiayai swasta

Putrajaya: Perbendaharaan menetapkan pembiayaan kos lawatan ke luar negara oleh penjawat awam berkaitan perolehan kerajaan, bukan lagi dibiayai syarikat swasta.

Menerusi pekeliling baharu Tugasan Ke Luar Negara berkaitan Perolehan Kerajaan PK 2.14 yang berkuat kuasa Selasa lalu, menetapkan kos itu dibiayai sepenuhnya melalui obligasi kontrak.

Pekeliling itu menetapkan, pembiayaan terhadap tugas pemeriksaan sebelum penerimaan (PDI), Ujian Penilaian Kilang (UPK), Laporan Pemanfaatan Projek (PMR), Mesyuarat Pelaporan Eksekutif (ERM), Ujian Akhir Penerimaan (FAT), Transfer of Title (TOT) dan latihan.

Keperluan dan kos pembiayaan tugas ke luar negara dinyatakan dengan jelas dalam tawaran serta kontrak perolehan berkenaan.

Kos itu perlu berdasarkan kelayakan rasmi mengikut gred pegawai merangkumi bilangan pegawai terbabit, elan makan minum, kos pengangkutan, penginapan, lain-lain elan, tempoh lawatan atau latihan, tarikh

tentatif dan kekerapan lawatan atau latihan.

Bilangan pegawai terbabit dengan tugas, perlu dihadkan kepada yang perlu sahaja serta berkaitan dengan kepakaran teknikal perolehan berkenaan.

Bilangan wakil kerajaan hendaklah tidak lebih daripada tiga orang pegawai sahaja membatikan seorang pegawai yang terbabit dengan perolehan dan sekurang-kurangnya seorang pegawai teknikal.

Nilai perolehan bagi tugas ke luar negara selepas pelawaan tender, perlu melebihi RM10 juta kecuali perolehan haiwan.

Keperluan dan bilangan wakil kerajaan untuk mengadakan tugas ke luar negara dinyatakan dengan jelas dalam dokumen kontrak dan kos pembiayaan tu-

gasan ditanggung oleh kerajaan.

Agensi perlu memastikan harga tawaran syarikat, termasuk kos tugas untuk wakil kerajaan.

Tugasan tak lebih 7 hari

Tempoh tugas yang dibenarkan adalah tidak melebihi tujuh hari (tidak termasuk hari perjalanan) kecuali bagi program latihan yang perlu ditentukan berdasarkan syarat kontrak.

Jika perolehan itu akan membatikan lawatan atau latihan ke luar negara, agensi perlu menyatakan sedemikian dalam dokumen pelawaan tender bahawa pembekal atau kontraktor hendaklah menyatakan anggaran kos berkaitan secara berasingan dan jelas dalam tawaran tender.

Jika tender sudah dipelawa



Perbendaharaan melaksanakan langkah baharu bagi menjamin ketelusan urusan perolehan kerajaan. (Foto hiasan)

tanpa menyatakan kos lawatan atau latihan terbabit, maka agensi tidak dibenarkan membuat sebarang lawatan atau latihan berkaitan perolehan itu.

Amalan menerima lawatan atau latihan yang dibiayai pembekal atau kontraktor adalah dilarang sama sekali dan pegawai kerajaan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Pembekal atau kontraktor yang menawarkan lawatan atau latihan keluar negara boleh diambil tindakan termasuk disenarai hitam dan tidak dipertimbangkan untuk perolehan lain.

Menerusi pekeliling sebelum ini, pembiayaan kos lawatan ke luar negara berkaitan perolehan kerajaan perlu dibiayai sepe-

nuhnya menggunakan peruntukan tahunan Belanja Mengurus di bawah agensi masing-masing.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan, Steven Sim, berkata langkah terbaru diambil oleh Perbendaharaan itu bagi mewujudkan lebih ketelusan dan akauntabiliti dalam urusan perolehan kerajaan.

"Keperluan perjalanan untuk kerja pemeriksaan, antara lainnya, mesti ditetapkan terlebih dahulu dalam kontrak dan kos yang disenaraikan."

"Syarikat yang terbabit dalam kontrak tidak dibenarkan membiayai perjalanan sedemikian kerana hanya dengan cara itu, penilaian oleh wakil kerajaan boleh menjadi bebas," katanya.



“Keperluan perjalanan untuk kerja pemeriksaan, antara lainnya, mesti ditetapkan terlebih dahulu dalam kontrak dan kos yang disenaraikan”

Steven Sim,
Timbalan Menteri Kewangan

30 DISEMBER 2022 | JUMAAT | MUKA SURAT : 1, 8

SPRM siasat isu ambil alih pengurusan Menara KL

TM perjas anak syarikat tidak perbaharui konsesi dipegang sejak 1996

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Alzahrin Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah memulakan siasatan berhubung isu pengambilalihan pengurusan Menara Kuala Lumpur (Menara KL), yang didekahkan di media sosial baru-baru ini.

Sumber berkata, kes itu masih berada pada peringkat siasatan awal dan tindakan selanjutnya oleh SPRM akan menyusul selepas ini.

"Kami sudah membuka kertas siasatan, itu sahaja yang saya boleh sebutkan setakat ini," katanya di sini, semalam.

Isu pengambilalihan pengurusan Menara KL tular di media sosial apabila orang ramai mempersoalkan keputusan Telekom

Malaysia (TM) melalui anak syarikatnya, Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd (MKLSB) memindahkan pemilikan penuh mereka kepada syarikat Hydroshope Sdn Bhd pada Oktober lalu.

Satu akaun Twitter dikenali sebagai @FreeMian mendakwa Menara KL yang menjana pendapatan RM66 juta pada 2019 dengan untung bersih RM25 juta itu sebagai 'cash cow' dan pemindahan saham itu tidak dihebahkan kepada umum.

Difahamkan, pemindahan semua 10 juta saham MKLSB berlaku pada 31 Oktober ketika Tan Sri Annuar Musa menjadi Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Bagaimanapun, Annuar pada Selasa lalu menjelaskan kementerriannya tidak pernah mengambil bahagian dalam mana-mana perjanjian dalam isu pemilikan Menara KL yang dikatakan hanya membabitkan TM.

Menteri terima maklumat

Pada hari sama, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil pula berkata beliau memandang serius isu dibangkitkan itu dan akan meneliti isu pengambilalihan pengurusan Menara KL oleh Hydroshope.

Beliau turut mengesahkan sudah menerima taklimat berkait

tan konsesi Menara KL daripada kementerian pada 14 Disember lalu dan maklumat penuh daripada TM pada 3 Januari ini.

Sementara itu TM dalam kenyataan semalam menjelaskan bahawa Menara KL (MKL) adalah milik kerajaan, manakala operasi dan penyelenggaraan menara itu dijalankan secara konsesi. Anak syarikatnya, MKLSB sudah memegang konsesi itu sejak 1996.

Bagaimanapun, sebagai sebahagian daripada program transformasi perniagaannya, TM mahu menumpukan usaha dan sumber bagi mengukuhkan perniagaan teras iaitu telekomunikasi dan teknologi.

Oleh itu, selepas pertimbangan wajar mengenai perubahan sifat perniagaan Menara KL daripada perkhidmatan telekomunikasi kepada pelancongan dan hospitaliti, TM pada Oktober 2021 memutuskan untuk tidak memperbaharui konsesi MKL dan memaklumkan kepada kerajaan.

Berikutan itu pada tahun ini, proses pemilihan untuk memegang konsesi baharu diambil oleh kerajaan. TM telah dimaklumkan syarikat yang dilantik bagi mengambil alih saham-saham MKLSB dan konsesi MKL.

MKLSB akan terus mengem-

balikan konsesi dan memastikan menara itu terus menarik pengunjung.

Pekerja akan bekerja dengan MKLSB di bawah syarikat konsesi baharu selama sekurang-kurangnya tiga tahun untuk melindungi kebajikan mereka semasa tempoh peralihan.

Kenyataan itu juga menyatakan bahawa rujukan telah dibuat berhubung perubahan dalam pegangan saham MKLSB pada pengumuman kewangan suku ketiga TM kepada Bursa Malaysia.



31 DISEMBER 2022 | SABTU | MUKA SURAT : 7



BH Sabtu, 31 Disember 2022

Pasukan khas cari jalan atasi 381 projek rumah swasta 'sakit'

KPKT pastikan kediaman berkualiti lindungi hak pembeli

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) mewujudkan sebuah pasukan petugas bagi mencari penyelesaian terhadap 381 projek perumahan swasta yang dikategorikan sebagai 'sakit'.

Menterinya, Nga Kor Ming, berkata penubuhan pasukan petugas itu adalah bagi melindungi hak dan kepentingan pembeli rumah kerana KPKT memandang serius projek perumahan dikategorikan sebagai 'sakit' atau terbengkalai.

"Pembangunan perumahan antara sektor penting dalam menjaga ekonomi negara di mana hampir 200 industri terbabit. KPKT berharap industri perumahan akan terus berkembang maju pada 2023.

"KPKT juga akan melancarkan lebih banyak rumah mampu milik yang berkualiti tinggi supaya rakyat dapat memiliki rumah yang selesa dan berkualiti tinggi dengan harga berpatutan," katanya dalam kenyataan semalam.

Kor Ming berkata, berdasarkan statistik kementerian, KPKT akan membina sejumlah 83,728 rumah di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dengan

22,209 daripada jumlah itu sudah siap dibina, 47,637 unit dalam pembinaan dan baki 13,882 unit akan disiapkan menjelang akhir 2025.

"Bergerak ke hadapan, khususnya dalam pembinaan dan perancangan bandar, KPKT akan memberi fokus kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang dikemukakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya.

Bina rumah mesra alam

Dalam pada itu, beliau berharap lebih banyak pihak swasta dapat bekerjasama secara aktif dengan kerajaan untuk membina ruang hijau dan menggunakan gaya reka bentuk mesra alam dalam pembinaan bagi mewujudkan perumahan berdaya huni serta berkonsep hijau.

Katanya, kerajaan menyokong inisiatif untuk membantu lebih ramai golongan muda memiliki rumah pertama melalui insentif pengecualian duti setem 100 peratus bagi rumah berharga RM500,000 ke bawah.

Bagi rumah berharga RM500,001 hingga RM1 juta, beliau berkata, akan menikmati pe-

ngecualian duti setem sebanyak 50 peratus.

"Memandangkan situasi politik negara kita kembali stabil selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), pelabur asing kembali yakin terhadap kerajaan perpaduan, saya optimis terhadap pasaran industri perumahan negara pada tahun depan.

"Saya berharap pengusaha dapat meningkatkan pelaburan domestik dan kerajaan perpaduan akan bekerjasama secara aktif dengan melancarkan dasar perniagaan dan prorakyat," katanya.

Bagi memantapkan lagi pembinaan perumahan awam di negara ini, Kor Ming berkata, beliau menjemput Lembaga Pembangunan Perumahan Singapura (HDB) untuk berkongsi kepakaran dan berkongsi pengalaman berhubung isu perumahan.

"Saya percaya ini akan membantu meningkatkan tahap perancangan bandar di Malaysia dan bukan sahaja dapat membantu lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri, tetapi mewujudkan rumah tangga bahagia dan sejahtera melalui kaedah yang inovatif," katanya.

KPKT juga akan melancarkan lebih banyak rumah mampu milik yang berkualiti tinggi supaya rakyat dapat memiliki rumah yang selesa dan berkualiti tinggi

Nga Kor Ming,
Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan

